

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH]

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN :

TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa selepas Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) setuju dan cadangan lantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dibuat melalui Parlimen dengan majoriti dua pertiga dan SPRM ada suruhanjaya perkhidmatan sendiri, dan kertas kabinet telah disediakan pada tahun lepas (Jawapan November 2020), proses ini tiba-tiba dilambatkan lebih setahun kononnya 'untuk diperincikan'.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Mesyuarat JKKMAR Siri 11 Bil. 1 Tahun 2020 dan Siri 12 Bil 2. Tahun 2020 telah menimbangkan berkenaan cadangan bagi memperkasakan SPRM khususnya dalam Pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) untuk memasukkan pindaan peruntukan baharu di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kedua-dua Mesyuarat JKKMAR telah menimbangkan kedua-dua cadangan ini dan memutuskan bahawa kajian terperinci serta perbincangan lanjut SPRM dengan Jabatan Peguam Negara perlu diadakan berhubung kedua-dua cadangan pindaan ini.

Cadangan pindaan untuk memasukkan peruntukan baharu di dalam Perlembagaan Persekutuan ini telah dibawa ke perhatian Jabatan Peguam Negara dan perbincangan masih lagi giat dilaksanakan untuk mendapatkan persetujuan Jabatan tersebut. Suruhanjaya ini juga akur dan terikat dengan peruntukan Perkara 159 (3) Perlembagaan Persekutuan di mana pindaan ini memerlukan sokongan pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada 2/3 daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu.

Di bawah Inisiatif 5.3.2 Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi maksud memperkasakan SPRM, khususnya dalam Pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) melalui pindaan peruntukan baharu di dalam Perlembagaan Persekutuan diberi tempoh sehingga Disember 2023 untuk direalisasikan.

Sekian, terima kasih.